

masalah-masalah yang berjaya berkembang kepada pencapaian masyarakat dan mengalihalkan perjuangan untuk mencapai dengan

IDE KEMAJUAN DALAM PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN GOLONGAN FUNDAMENTALIS ISLAM

dan hal ini menjadikan mereka sebagai ahli falsafah yang berjaya membentuk ideologi dalam Al-Qur'an dan Al-Hadis. Dengan keadaan ini, ia berjaya membentuk aliran dan diseminasikan sekitar dunia yang akhir akhir ini. Mohamad Abu Bakar Universiti Malaya

Prakata: Ide Kemajuan (The Idea of Progress) sebagaimana yang umumnya difahami di barat telah menjadi rujukan penting kepada ahli falsafah, sejarawan dan ahli sains dalam usaha mereka mengkaji dan menilai perkembangan manusia dan masyarakat semenjak sekurang-kurangnya abad ke tujuh belas lagi. Sama ada dibicarakan secara per se, seperti yang dilakukan oleh Bury, Ginsburg, Inge, Pollard atau Nisbet, atau diperkatakan dalam hubungannya dengan teori sejarah (Toynbee; Popper), falsafah hidup (Turgot; Condorcet) kebangkitan dan kejatuhan tamaddun (Spengler; Teilhard de Chardin) dan pemikiran politik (Mill; Marx), penyelidikan mengenai konsep itu bukan sahaja telah mengakibatkan pengumpulan ilmu yang banyak tetapi juga telah mempengaruhi tokoh politik dan para akademik di negara-negara yang sedang membangun khususnya untuk mengguna The Idea of Progress itu sebagai pengukur dalam menyukat perkembangan dan kemajuan masyarakat mereka. Sampai kinipun, keadaan ini masih berleluasa, sehingga ide itu menjadi satu kepercayaan, satu dogma dan satu ideologi yang seharusnya dijadikan panduan dalam merebut kemajuan.

Dari segi sejarahnya, ide kemajuan dalam bentuk sekarangnya tumbuh seiring dengan perkembangan humanisme dizaman Renaissance, yaitu ketika manusia menerusi kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh sains dan teknologi, mendapat keyakinan baru dalam penguasaan alam sekelilingnya. Dalam konteks ini telah berlaku 'secularization of the philosophy of history'; pengemuka-pengemuka ide kemajuan berpendapat bahawa hanya setelah manusia menolak fahaman ketuhanan atau tidak lagi memberi tempat kepada Tuhan sebagai faktor dalam perkembangan hidup mereka maka ketika itulah manusia mulai mengorak kehadapan menuju kemajuan sebenar. Dan setiap pelakuan dan pergerakan bercorak ini semestinya pelakuan dan pergerakan yang menunjukkan Kemajuan - 'a less to a more desirable state of affairs'. Deskripsi-deskripsi seperti 'mankind has advanced in the past ... is now advancing and will continue to advance through the foreseeable future', dan 'the future promised a happier and more perfect state' adalah diantara fikiran-fikiran yang dilahirkan berlandaskan pegangan tersebut. Dan bukti-bukti kepada Kemajuan ini ialah kekayaan, pembangunan sosial, kebebasan individu dan pemisahan politik dari agama yang terdapat dalam masyarakat.

Konsep Kemajuan yang begitu terikat kepada pencapaian materialisme dan mengenepikan hubungan antara manusia dengan Penjadinya ini tentu sekali berlawanan dengan prinsip-prinsip Islam. Oleh yang demikian pembetulan kepada pendekatan hidup yang salah ini sangat diperlukan, dan kita sejarnya diperkenalkan kepada Ide Kemajuan sebagaimana yang tersurat atau tersirat dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Dengan kesedaran inilah kertas-kerja berikut ditulis dan dibentangkan, sekalipun yang menjadi subjek perbincangan ialah beberapa kumpulan Islam yang kini dikenali sebagai golongan fundamentalis. Semoga langkah ini juga akan dapat mempercepatkan lagi usaha merangka dan mengwujudkan sebarang kursus perspektif Islam di Fakulti Sains Sosial Universiti Malaya.

Kebangkitan semula Islam (Islamic revivalism) sama ada yang terdapat dalam sejarah ummah atau yang muncul di akhir-akhir ini di beberapa negara Muslim mempunyai perkaitan rapat dengan ide kemajuan yang dipegang dan diperjuangkan oleh golongan fundamentalis ugama. Konsep kemajuan ini mungkin tidaklah begitu jelas kalau dibandingkan dengan The Idea of Progress yang sering diperkatakan di barat, tetapi falsafah dan pandangan hidup yang terdapat dalam pemikiran dan perjuangan golongan tersebut dengan detail memperlihatkan sikap dan pandangan mereka terhadap 'kemajuan', 'pendidikan' dan 'kebangunan'. Dengan berpandukan ide kemajuan ini, gerakan-gerakan fundamentalis telah bertindak untuk menghapuskan nilai-nilai atau sistem kehidupan yang berlawanan dengan Islam dan mengerahkan (mobilize) pengikut-pengikut mereka berdakwah dan berjihad bagi merwujudkan masyarakat dan negara yang berasaskan Undang-undang Shariah.

Maksud Golongan Fundamentalis

Dalam sejarah Islam terdapat beberapa kumpulan yang pernah tampil ke hadapan untuk memperjuangkan nasib Ummah atau sebahagian daripadanya. Mereka itu termasuklah puak tradisionalis yang umumnya terdiri dari para ulamak dan guru-guru ugama, puak modernis dan sekularis yang pada keseluruhannya diwakili oleh mereka yang berpendidikan barat atau moden, dan golongan fundamentalis sendiri yang dianggotai oleh semua lapisan dalam masyarakat Islam. Dari satu segi, yaitu dari sudut pembedaan resio Ummah atau sebahagian daripadanya, kesemua kumpulan-kumpulan ini mempunyai objektif yang serupa -

penyelesaian problem-problem besar dan perennial yang selama ini dianggap membantut pembangunan masyarakat. Perbedaan dasar antara mereka terletak pada pendekatan yang digunakan dalam menyelesaikan masalah tadi, penggunaan Al-Quran dan Al-Hadith sebagai pedoman perjuangan dan kedudukan Shariah yang cuba ditempatkan dalam proses pembelaan nasib penganut-penganut Islam itu.

Pengertian Fundamentalisme. Istilah "Fundamentalism" yang dikaitkan dengan perkembangan Islam hari ini mempunyai hubungan rapat dengan pergerakan konservatif yang ditaja oleh golongan Kristian Protestan di Amerika Syarikat pada akhir kurun kesembilan belas. Pihak tersebut, yang muncul sebagai reaksi kepada penyibaran teori evolusi dan pengajian Injil yang melihatnya sebagai kreasi sejarah, cuba membawa masyarakat kepada kepercayaan "infallibility" kitab suci itu, ketuhanan Isa, "the virgin birth", kebangkitan jasad di Hari Kiamat dan kemunculan kali kedua Nabi mereka.¹ Ertinya, pada pokoknya gerakan fundamentalis ialah perjuangan yang menganut faham bahawa kepercayaan agama asal adalah betul dan lebih baik dan individu serta masyarakat wajib dibawa mengikutnya.

Dalam konteks perkembangan Islam pula, pengertian "golongan fundamentalis" tidak banyak berbeda. Mereka boleh ditakrifkan sebagai kumpulan yang berpegang/kepercayaan bahawa Islam adalah suatu ujama yang lengkap dan sempurna, dan ianya tidak patut disesuaikan mengikut kehendak atau tuntutan zaman lagi.² Hanya manusia dan masyarakat sahaja yang sewajibnya membentuk peribadi dan pelakuannya mengikut arahan dan saranan yang terkandung dalam Shariah. Oleh itu

1. Encyclopedia International, Vol. 7, Grolier, New York, hal. 406.

2. Lihatumpamanya, Abdul Hameed Siddiqi & Muhammad Saeed Siddiqi, The Islamic Concept of Religion and Its Revival, Lahore, 1980, hal. 204, H. Roeslan Abdul Gani, "Kebangkitan Dunia Islam Dewasa Ini", Panji Masyarakat (Jakarta), Mei 15, 1979, hal. 30. dan R. Stephen Humphreys, "Islam and Political Values In Saudi Arabia, Egypt and Syria," The Middle East Journal, Winter 1979, hal. 3.

setiap pengikut Islam dilarang memkompromikan prinsip hidup keislaman mereka dengan mana-mana isme atau fahaman. Sekiranya, mana-mana pihak individu atau sebahagian dari masyarakat, telah meninggalkan ajaran ugama, maka mereka wajib ditegur dan tegah supaya mereka kembali kepada kehidupan yang berlandaskan Al-Quran dan Al-Hadith. Mengikut perspektif golongan fundamentalis ini, manusia dan masyarakat yang berjaya dan bahagia ialah manusia dan masyarakat yang diurus perjalannya oleh Undang-undang Tuhan sepenuhnya.

Adapun yang menjadi ciri-ciri utama gerakan fundamentalisma ialah kedaulatan kuasa Allah dan penempatannya ditempat yang sewajarnya dalam masyarakat. Penekanannya ialah kepada "the transcendence of God". Aspek kedua ialah penolakan sikap dan tindak-tanduk membenarkan Islam disesuaikan mengikut keperluan masa atau membiarkannya dijajah oleh fahaman dan isme lain (*Latitudinarian Compromise*) atas nama kemajuan masyarakat. Aspek ketiga ialah perjuangan membentuk individu dan masyarakat mengikut model asli yang telah diasaskan oleh Nabi Muhammad S.A.W. dan keempat Khalifah awal.³ Usaha kearah ini bukan sahaja dianggap perlu, tetapi juga berasas kerana sejarah Islam telahpun membuktikan pencapaian objektif-objektif ideal itu. Dalam memberi definasi 'golongan fundamentalis', R. Stephen Humphreys telah menambah dengan menegaskan bahawa 'Fundamentalism is by no means a blind opponent of social change, but it insists that change must be governed by traditional values and modes of understanding. In an Islamic context, Fundamentalism asserts not only the literal truth of the Quran but also that its commandments, legal as well as ritual, are fully incumbent on modern man. Specifically, it affirms the continuing rightness of the Quran's prohibitions of intoxicants

3. Lihat John Voll, "The Sudanese Mahdi: Frontier Fundamentalist," *International Journal of Middle Eastern Studies*, Vol. 10, 1979, hal. 148-152. Lihat juga Majid Fakhry, "The Search for Cultural Identity In Islam: Fundamentalism and Occidentalism", *Cultures*, Vol. IV, No. 1, 1977, hal. 97.

and interests on loans, its rules of divorce,⁴

Perbedaan Antara Golongan Fundamentalis, Tradisionalis, Modernis

Dan Sekularis. Disebabkan oleh pendirian diatas, maka golongan fundamentalis mempunyai persepsi yang berlainan dalam menganalisa problem manusia dan masyarakat dan membela nasibnya kalau dibandingkan dengan kedudukan golongan-golongan lain, terutama sekali puak tradisionalis, modernis dan sekular. Sungguhpun puak tradisionalis bersikap konservatif dan menolak semua bentuk pembaharuan, dan seterusnya mahu mengekalkan setiap aspek Islam dalam bentuk aslinya, membuat mereka menyerupai sedikit sebanyak golongan fundamentalis, perjuangan mereka lebih bercorak penyisihan dalam memperjuangkan cita-cita Islamiah mereka. Ini menyebabkan mereka lebih banyak menumpukan perhatian kepada cara hidup Islam yang terhad, yaitu sekitar sembahyang, zakat, haji dan zakat, dan usaha memahami sejarah Islam sekadar untuk dijadikan pengetahuan sahaja; persoalan berhubung dengan pelaksanaan Undang-undang Islam dalam masyarakat dan proses politik tidak begitu dihiraukan. Puak modernis(atau golongan'accomodationalis') sebaliknya lebih menitikberatkan manusia berugama Islam dan tidak menghiraukan persoalan tuntutan Islam. Yang menjadi matlamat mereka ialah kemajuan orang Islam tanpa memperdulikan ugama mereka. Gerakan reformasi mereka lebih banyak tertumpu kepada usaha menyesuaikan Islam mengikut tuntutan masa, kerana bagi mereka undang-undang Shariah yang terpakai di masa lepas tidak begitu cocok dengan kehendak zaman ini, dan ianya pula bersifat membantut manusia yang berugama Islam dalam kehidupan mengejar kemajuan. Respons mereka memperlihatkan sikap yang liberal, sehingga mereka sanggup melihat pemisahan antara ugama dan negara.⁵ Puak

4. R. Stephen Humphreys, op.cit., hal. 3.

5. Untuk perbincangan lanjut sila lihat "Modernisme Dan Islam," dalam Wan Muhammad Ali dan Muhammad Uthman El-Muhammady, Islam Dan Modernisme, Angkatan Belia Islam Malaysia, 1977.

sekular pula mempunyai pendirian lebih extreme. Mereka bukan sahaja berjuang untuk mengasingkan antara politik dan ugama, tetapi mahu pengikut Islam menjadikan kehidupan berugama hanya diperingkat peribadi sahaja, dan mengenepi tuntutan-tuntutan Al-Quran dan Al-Hadith yang berkaitan dengan kehidupan bermasyarakat. Bagi mereka, orang Islam patut bertindak seperti orang-orang barat yang telah meninggalkan ugama kristian untuk mendapat kejayaan dunia dan materialisme.⁶

Pergerakan-pergerakan Fundamentalis. Kebanyakan dari pergerakan-pergerakan fundamentalis Islam yang terkemuka muncul di abad ke dua puluh, terutama sekali di zaman penjajahan dan pengisian kemerdekaan politik. Antaranya ialah gerakan Wahabi di Semenanjung Arab, gerakan Sanusiyah di Libya, perjuangan Said Nursi di Turki, perjuangan Shehu Uthman Dan Fodio di Afrika Barat, perjuangan Mahdi di Sudan, Jamaatil Islami di Pakistan, Ikhwanul Muslimoon di Mesir dan Syria, dan revolusi Islam di Iran. Perjuangan golongan fundamentalis ini, dimana-mana pun, mempunyai tema yang serupa - iaitu pengembalian hukum-hukum Allah. Kesemua mereka adalah 'puritanical reformer' yang berminat untuk membaikki individu dan masyarakat yang dianggap telah menyimpang dari dasar Islam sebenar, sama ada akibat dari penunjulan unsur-unsur kurafat dan bid'ah atau penyerapan ide barat-sekular atau penaklukan oleh fahaman dan sistem yang bukan dan bercanggahan dengan ugama atau penyelewengan yang dilakukan oleh ulamak. "Centrality of Islam / dan Islam sebagai "a focus of identity" menjadi persoalan pokok.

Cuma penekanan yang dibuat oleh setengah dari kumpulan itu mungkin berbeda dari setengah yang lain disebabkan oleh masalah yang dihadapi dan suasana sosial yang berbeza.⁷ Said Nursi di Turki yang berdepan

-
6. Bagi memperolehi perbahasan yang mendalam tentang ciri-ciri sekularisme, lihat Syed Muhammad Al-Naguib Al-Attas, Islam And Secularism, Muslim Youth Movement of Malaysia, 1978, hal. 13-46.
 7. Lihat Leonard Binder, The Ideological Revolution in the Middle East, London, 1964, hal. 40.

dengan kejatuhan pemerintahan Khalifah dan kebangkitan Mustafa Kamal Pasa dengan perjuangan sekularisme dan cita-cita kebaratannya lebih banyak memberi perhatiannya kepada penentangan terhadap pengaruh-pengaruh luar yang mulai meresapi masyarakatnya dan pembelaan cara hidup Islam yang semakin ditinggalkan itu.⁸ Golongan Wahabis⁹ dan Sanusiyah¹⁰ pula tidak banyak membicarakan ide pembangunan ummah sekalipun keduanya juga berjuang untuk mengembalikan Islam ketempatnya yang sebenar. Oleh yang demikian, program dan pelaksanaan cita-cita Islamiyah mereka tidak begitu konfrehensif, dan isu-isu semasa yang dibangkitkan oleh mereka tidak banyak bersangkutan dengan kemajuan ekonomi dan perubahan sosial. Gerakan wahabis umpamanya lebih banyak menumpukan perhatiannya kepada penentangan terhadap amalan-amalan pemujaan wali dan kubur, dan aktiviti-aktiviti sufi yang melemahkan jiwa penganut Islam. Kegiatan Sanusiyah pula berpusat kepada pertentangannya terhadap penjajahan Itali dan kebudayaan yang dibawa oleh kuasa luar itu. Perbedaan-perbedaan tertentu juga boleh di-perhatikan dari cita-cita dan perjuangan Shehu Uthman Dan Fodio¹¹ dan Mahdi.¹²

-
8. Lihat umpamanya Hamid Algar, "Said Nursi and the Risala-i Nur: An Aspect of Islam In Contemporary Turkey", dalam Kurshid Ahmad and Jafar Ishaq Ansari (editors), Islamic Perspectives: Studies In Honour of Maulana Sayyid Abul A'la Mandudi, The Islamic Foundation, London, 1979, hal. 313-333.
 9. Lihat Wilfred Cantwell Smith, Islam in Modern History, Mentor Book, London, 1957, hal. 48-51. Lihat juga Maryam Jameelah, Three Great Islamic Movements In the Arab World of the Recent Past, Lahore, 1976, hal. 6-13.
 10. Lihat Leonard Binder, op.cit., hal. 40 dan Maryam Jameelah, Three Great Islamic Movements, hal. 15-28.
 11. Lihat umpamanya Al-haji Shehu Shagari and Jean Boyd, Uthman Dan Fodio: Theory and Practice of His Leadership, Lagos, 1978, Maryam Jameelah, Shehu Uthman Dan Fodio: A Great Mujaddid of West Africa, Lahore, 1978 dan A.R.I. Doi, "The Shehu Uthman Dan Fodio (1754-1817 C.E.): The Great Nigerian African Mujahid and Mujaddid," Readings In Islam, No. 5, 1979.
 12. Lihat umpamanya, John Voll, op.cit., dan Maryam Jameelah, Three Great Islamic Movements ...

Untuk tujuan kertaskerja ini, hanya tiga pergerakan fundamentalis sahaja yang akan menjadi rujukan utama dalam usaha memahami ide kemajuan aliran fundamentalisme itu keseluruhannya. Pergerakan-pergerakan itu ialah Ikhwanul Muslimoon, Jamaatil Islami, dan revolusi Islam di Iran. Walaupagaimanapun, bagi memperolehi gambaran yang lebih konfrehensif tentang konsep kemajuan mengikut fahaman fundamentalis petikan dari pendapat pihak-pihak pertubuhan fundamentalis yang lain juga akan dibuat. Pemilihan yang dibuat ini, yaitu dengan menumpukan kepada tiga pergerakan fundamentalis sahaja, dilakukan atas sebab-sebab kemudahan mendapat literature mengenai kegiatan mereka, pengaruh mereka yang lebih luas dan berpanjangan ke atas masyarakat sekelilingnya serta dunia luar, dan kekuatan mereka berbanding dengan gerakan atau pertubuhan lain yang memperjuangkan cita-cita fundamentalis yang serupa.

Ikhwanul Muslimoon ditubuhkan pada bulan Mei, 1929, di Ismailiyah, Mesir, oleh Hassan Al-Banna bersama rakan seperjuangan-nya seperti Hafis Abdul Aziz, Ahmad Al-Hasry dan Fuad Ibrahim. Dasar perjuangannya ialah penubuhan kembali (re-establishment) Islam di Mesir khasnya dan dunia Muslim lain amnya. Ianya bergerak dalam banyak lapangan kehidupan, terutama yang berkaitan dengan aktiviti ekonomi dan sosial, dalam usahanya mewujud individu yang bertaqwa. Penerbitannya yang terkenal ialah majalah mingguan (al-Ikhwan al-Muslimoon) dan akhbar hariannya (juga bernama al-Ikhwan al-Muslimoon). Dalam jangka waktu yang pendek sahaja Ikhwan telah menjadi sebuah pergerakan Islam yang popular. Dalam tahun 1934 ianya mempunyai sebanyak lima puluh cawangan di seluruh Mesir, dan lima tahun kemudian jumlah itu telah meningkat ke angka lima ratus.¹³ Kegiatannya juga telah bertambah dan mula mencakupi setiap aspek kehidupan penduduk

13. Christina Phelps Harris, Nationalism And Revolution In Egypt: The Role of The Muslim Brotherhood, Mouton & Co., 1964, hal. 159.

Muslim, termasuk aktiviti politik, sehingga seorang sarjana merasa perlu menganggap transformasi ini sebagai perubahan dari 'revitalization movement' ke 'politico-religious action society'.¹⁴

Ia juga telah mengembang sayapnya ke luar Mesir, seperti di Syria dan Lebanon, dan menubuh pusat-pusatnya di luar dunia Arab, seperti di India.¹⁵

Selepas Revolusi 1952, Ikhwanul Muslimoon telah diberi tempat dalam perancangan negara Mesir, dan mereka telah bekerjasama dengan pihak tentera yang bertanggungjawab menguling pemerintahan Raja Farouk. Ketika itulah pertubuhan tersebut cuba bertindak dengan lebih gigih untuk memajukan Mesir di atas prinsip-prinsip Islam dengan menganjur kepada kerajaan supaya mendidik belia-belia mengikut tuntutan ugama dan mendesak supaya tempat-tempat judi ditutup.

Pemimpin gerakan itu, Hassan Hudaybi, juga telah meminta kerajaan supaya menyediakan perlembagaan yang bersifat Islam.¹⁶ Sungguhpun cita-cita mereka tidak tercapai sepenuhnya, dan selepas 1964 kedudukan mereka turut pula terancam, pengaruh Ikhwan di kalangan rakyat tetap kuat. Proses Islamisasi ini berjalan terus hingga sekarang, walaupun Ikhwan semakin tergugat kedudukannya.¹⁷

Jamaatil Islami, satu lagi "a Renaissance movement in Islam"¹⁸ dan gerakan fundamentalis berpengaruh di benua kecil India, ditubuhkan dalam tahun 1941. Kewujudannya mempunyai pertalian rapat dengan personaliti pengasasnya, Abu Ala Mawdudi, yang menjadi pemimpin dan penggerak utama persatuan itu semenjak kelahirannya hingga hampir ke akhir hayat ulamak itu. Yang menjadi teras perjuangan Mawdudi dan

14. Ibid., hal. 150.

15. Lihat F. Rosenthal (trans.), "The 'Muslim Brethren' in Egypt," *Muslim World*, xxxvii, October 1947, hal. 278.

16. Lihat Donald Eugene Smith, *Religion, Politics, and Social Change in the Third World*, hal. 134.

17. Keterangan lanjut boleh diperolehi dari Ishak Musa Husaini, *The Moslem Brethren: The Greatest of Modern Islamic Movements*, Beirut, 1956; Richard P. Mitchell, *The Society of the Muslim Brothers*, London, 1969, dan "Egypt's Muslim Brothers," *Arabia: The Islamic world Review*, November 1981, hal. 9-11.

18. Khaled B. Sayeed, "The Jamaati-Islami Movement in Pakistan", *Pacific Affairs*, Vol. 30, No.1. March, 1957, hal. 61.

juga Jamaati Islami ialah pembentukan darul Islam terutama sekali untuk penganut-penganut ugama itu, dan dalam menuju matlamat ini beliau dan pergerakan tajaannya telah terlibat sama dalam penentangan terhadap kuasa British yang menjajah India. Selepas penubuhan Pakistan dalam tahun 1947, Mawdudi terpaksa meninggal pusat kegiatannya di Pathankot dan berpindah ke Lahore. Dari situ beliau telah terus memimpin Jamaati Islami (Pakistan)¹⁹ dan mengepalai perjuangan menuntut pemerintah dan masyarakat agar kembali ke jalan Al-Quran dan Al-hadith. Persatuan ini telah melibatkan diri dalam banyak lapangan hidup, termasuk pengislaman golongan pelajar menerusi Islami Jamiat Tulabanya, dan telah mengeluarkan banyak risalah-risalah. Cita-cita Islamnya juga disalurkan melalui penerbitan Mawdudi yang terkenal Tarjuman Al-Quran.²⁰

Ciri-ciri fundamentalisme dalam perjuangan Jamaatil Islami begitu ketara sekali. Di konferensi pertama persatuan itu yang diadakan di Lahore pada 26 Ogos 1941, Abu Ala Maududi menjelaskan bahawa matlamat Jamaat ialah pencapaian Islam keseluruhannya, dan bukan bahagian-bahagian dari padanya sahaja, cara pengedalian pertubuhan itu akan dilakukan mengikut cara-cara yang telah digariskan oleh Nabi Mohamad, setiap mereka yang ingin menyertai pergerakan itu hendaklah terlebih dahulu memahami konsep Kalimah Shahadah serta implikasinya, dan ianya akan menjalankan aktivitinya di dalam dunia Muslim dan bukan Muslim.²¹ Dengan berpandukan prinsip-prinsip ini, dan hasil dari kegigihan perjuangan, Jamaat telah berjaya melahirkan pengikut-pengikut yang dinamik untuk mempelopori cita-cita Islam.

19. Berikutan dari penubuhan Pakistan dan India sebagai dua negara merdeka yang berlainan Jamaat telah berpecah kepada dua - satunya Jamaati-Islami Pakistan dan satu lagi Jamaatil Islami India.
20. Untuk maklumat selanjutnya mengenai perjuangan Mawdudi dan Jamaati Islami, lihatumpamanya Kalim Bahadur, The Jamaati Islami of Pakistan, Lahore, 1979, Charles J. Adams, "The Ideology of Maulana Mawdudi", dalam South Asian Politics And Religion (ed. Donald E. Smith), Princeton, 1965, Aziz Ahmad, Islamic Modernism in India and Pakistan 1857-1964, London, 1969, hal. 12. Syed As'ad Gilani, Maududi: Thought And Movement, Lahore, 1978 dan Sarwat Saulat, Maulana Mawdudi, Karachi, 1979.
21. Kalim Bahadur, op.cit., hal. 13.

Mengikut Charles J. Adams, "There was no other group in Pakistan at the time so unified, disciplined, or so sure of what it wanted"²²

Dalam sejarahnya, Jamaat seperti pergerakan-pergerakan fundamentalis yang lain telah mengalami banyak halangan dan dugaan, dan/termasuklah pengharamnya pada tahun 1958 dan penangkapan Mawdudi sendiri. Sampai sekarang inipun Jamaat terus bergerak aktif dan berjaya mempengaruhi kerajaan Pakistan kearah cita-cita Islam.

Sungguhpun, pergerakan Islam di Iran tidak begitu diketahui oleh dunia luar sebelum meletusnya revolusi di negara itu, terutama sekali disebabkan oleh prasangka yang wujud terhadap mazhab shiah, perjuangan ulamak yang memperlihatkan ciri-ciri fundamentalisme telah-pun lama berlangsung di sana. Ianya boleh dikatakan bermula semenjak kurun ke enam belas lagi, yaitu apabila pemerintahan dinasti Safavid dibawah Shah Abas terpaksa berdepan dengan Mulla Ahmad Ardabili yang menentangnya. Konflik antara ulamak dan kerajaan berterusan di zaman dinasti Qajar, dan telah memuncak apabila terdapat campurtangan kuasa-kuasa luar, seperti yang berlaku dalam tahun 1826. Pada tahun tersebut ulamak telah bangkit memberontak melawan Rusia yang telah menindas orang-orang Islam yang mendiami kawasan yang telah dirampas oleh pihak tersebut dalam perang Russia-Iran sebelumnya. Lebih kurang tiga puluh tahun selepas itu, para ulamak di bawah dorongan Mujtahid Mirza Hasan Shirazi memprotes tindakan kerajaan memberi monopol pengeluaran dan pemasaran tembakau kepada British. Antara 1905 hingga 1911 telah berlaku pula Revolusi Perlembagaan (Constitutional Revolution) yang bersejarah itu apabila pergerakan ulamak yang melibatkan tokoh-tokoh seperti Sayyed Muhammad Bihbihani dan Sayyed Muhammad Tatatabai berjuang untuk menempatkan Islam ditempat yang paling tinggi dalam

22. Charles J. Adams, op.cit., hal. 376. Lihat juga Allahbukhsh K. Brohi, "Mawlana Abu Ala Mawdudi: The Man, The Scholar, the Reformer," dalam Islamic Perspectives ..., hal. 311.

dasar pemerintahan nasional. Dizaman dinasti Pahlavi para ulamak juga telah mempelupori beberapa gerakan penentangan, umpamanya yang dipimpin oleh Sayyed Hasan Mudarris, Ayatullah Kashani dan paling akhir Ayatullah Khomeini. Boleh dikatakan dalam kesemua pemberontakan ini ide pengembalian kepada Al-Quran dan penghapusan oleh kuasa luar telah diberi tempat utama.²³

Revolusi Islam Iran adalah mercu kepada pergolakan yang sudah sekian lama berjalan dalam sejarah negara itu. 'Far from being a radical break with the essential and profound developments of the Iranian nation, it is, on the contrary, a continuation and fruition of long years of political, spiritual and intellectual development'. Semenjak Shah melancarkan 'Revolusi Putih' yang melibatkan program-program 'reformasi tanah' dan 'pembebasan wanita', dan mengakibatkan pengukuhan pengaruh Amerika Syarikat di Iran, rakyat yang dipimpin oleh ulamak telah mengadakan demonstrasi demi demonstrasi menentang projek itu. Dalam suasana inilah, [yaitu ketika ekonomi tani sedang mengalami kerrosakan, petani-petani menderita kesusahan dan keluarga diraja dan golongan kaya menjadi bertambah kaya, suara Khomeini mula kedengaran mengkeritik kerajaan Tehran.] Dalam protes-protes terbuka yang dibuatnya dari tahun 1963, pemimpin itu telah mengecam sikap raja itu yang membelakangkan perlembagaan 1906 dan mengutuknya kerana telah membiarkan Iran diperas dan dibolot oleh kuasa-kuasa asing, seperti Amerika Syarikat dan Israel. Dalam perjuangannya ini beliau pernah ditangkap (1963), dibuang negeri (di Turki, Iraw dan Perancis). Tetapi ini semua ternyata tidak dapat mematahkan semangat keislaman beliau dan memadamkan cita-citanya untuk mengembalikan kedaulatan

23. Pengesahan diatas didasarkan kepada Kalim Siddique (ed.) The Islamic Revolution In Iran (Transcript of a four lecture course given by Hamid Algar at the Muslim Institute, London), The Muslim Institute, London, 1980, hal. 1-9. Lihat juga Iqbal Asaria, "Iran - A Case Study in Muslim Political Awakening," (editors Kalim Siddiqui et. al.), The Islamic Revolution: Achievements, Obstacles And Dispute to Revolution, London, 1980, dan Michael M.J. Fisher, Iran: From Religious Goals, London, 1980.

Shariah di negara itu. Khomeini telah berhasil.

Pandangan-pandangan Berhubung dengan Kemajuan. Ide Kemajuan yang difikir dan diperjuangkan oleh golongan-golongan fundamentalis terjelma dalam sekurang-kurangnya tiga bentuk. Pertama, ianya berupa pemaparan secara langsung, yaitu penyataan-penyataan terbuka tentang apa yang dianggap 'kejayaan', 'keuntungan', 'baik', 'ideal', 'progresif', 'kemajuan' dan seumpamanya. Kedua, ianya diperlihat secara tidak langsung, yakni menerusi penolakan nilai-nilai, isme-isme, sistem-sistem dan tamaddun-tamaddun lain yang bersifat unislamic atau non-islamic atau sebagaimana yang tersirat dalam pendapat dan aktiviti mereka mengenai isu-isu yang diperjuangkan. Ketiga, ianya disentuh dalam konteks falsafah sejarah (the philosophy of history) dan penerangan sejarah (historical explanation) yang diajukan oleh mereka dalam membahas pembangunan kembali ummah dan pendaulatan Undang-undang Allah.

Aspek-aspek berhubung dengan fahaman 'Kemajuan' ini merupakan ciri penting dalam pergerakan fundamentalis sama ada dalam aktiviti dakwah dan jihad mereka, atau dalam perjuangan pembebasan dan kemerdekaan yang besangkutan dengannya, atau dalam penonjolan mengenai bentuk individu dan masyarakat ideal yang ingin mereka lahirkan. Persoalan berkaitan dengan ide kemajuan ini telah wujud dengan cara yang agak konsisten sekali, dan ini membuat pejuang-pejuang fundamentalis muncul sebagai "ideologues of progress" yang mempunyai pemahaman dan perwatakan yang tersendiri. Ide kemajuan yang difikir dan diperjuangkan oleh pihak ini juga membedakan mereka dengan golongan-golongan Muslim yang lain, khasnya puak modernis dan sekularis yang juga bergerak aktif untuk "memajukan" masyarakat.

Raison d etre Perjuangan: Kehidupan yang membelakangkan Shariah

Kemunculan golongan-golongan fundamentalis, Ikhwanul

Muslimoon di Mesir, Jamaati Islami di India-Pakistan dan Revolusi Islam di Iran, adalah reaksi kepada perjalanan masyarakat dan dunia sekeliling yang dianggap telah jauh meninggal tuntutan ugama. (Begin juga halnya dengan penubuhan pergerakan-pergerakan lain yang mempunyai orientasi yang serupa). Bersangkutan dengan ini ialah kepercayaan mereka bahawa kehadiran kuasa dan pengaruh luar di tempat dan rantau masing-masing telah juga bertanggungjawab menukar haluan individu-individu dalam masyarakat itu sehingga Islam dan penghayatannya tidak lagi menjadi kiblat muslimin dan muslimat. Dengan berlatarbelakangkan keadaan inilah pergerakan-pergerakan Islam ini telah melibatkan diri dalam aktiviti dakwah dan jihad, dengan tujuan memalingkan haluan masyarakat kepada Islam dan meletakkan Shariah ditempat yang telah dikhaskan oleh Allah.

Kesimpulannya, Islam mestilah dibenar membentuk kembali 'kehidupan individu dan kehidupan sosial mengikut pola-pola yang sihat, supaya akan terbina Negara Tuhan di atas bumi ini dan supaya keamanan, kepuasan dan kebahagiaan mengalir kedalam dunia sebagaimana air mengalir ke dalam laut'.²⁴ Manusia perlu disedarkan tentang ketinggian ugama, kesempurnaan sifatnya, keuntungan dunia yang akan diperolehi menerusi pelaksanaan dasarnya dan kemenangan yang akan dicapai diakhirat nanti apabila mereka dengan penuh redha menghayati suruhan Allah.

Mereka seharusnya diberitahu bahawa "jalan Islam ialah jalan keagungan, keselamatan, hak kekuatan, istikamah, teguh, kemuliaan dan kewarasan".²⁵ Di samping itu, mereka juga patut diberi amaran mengenai kerugian, kebinasaan dan kecelakaan yang akan menimpa mereka

24. Abul A'la Maududi, Islamic Way of Life, Islamic Publication Ltd., Lahore, 1967, hal. 1.

25. Hasan Al-Bana, 3 Bingkisan Risalah Dakwah, (terjemahan Abu Saif), Kuala Lumpur, 1979, hal. 131.

sekiranya mereka berterusan hidup dalam kemungkaran, keingkaran dan kefasikan. Dalam hubungan ini bukti-bukti sejarah sewajarnya ditunjukkan kepada mereka bagi membolehkan mereka melihat kemajuan yang pernah dicapai oleh manusia dan masyarakat yang bertaqwa, dan kehancuran yang pernah ditempuhi oleh manusia dan masyarakat yang enggan sujud kepada hukum-hukum Allah. Tambahan pula sebagai makhluk yang telah mengikat kontrak dengan Allah untuk mematuhi perintahNya, manusia tidak sekali-kali akan terlepas dari tanggungjawab menyembahNya.²⁶

Manakala pencapaian dan keuntungan yang akan diperolehi oleh manusia yang "berserah" dan "tunduk" kepada Allah juga adalah terjamin. Pertunjuk-pertunjuk Tuhan semestinya baik dan berguna, kerana Ianya mengadakan itu semua mengikut pengetahuanNya yang maha luas, kebijaksanaanNya yang tidak ada tolak banding, dan kemampuannya yang diluar batas. Islam bukannya formula yang dilahirkan secara evolusi oleh proses pemikiran manusia, tetapi adalah ad-din yang diturunkan oleh Pencipta manusia sendiri yang pasti mengetahui sepenuhnya tentang keperluan makhlukNya untuk mendapat kemajuan sebenar.

Realiti Masyarakat Muslim: Problem Dan Penyelesaiannya. Masyarakat disekitar pertumbuhan pergerakan-pergerakan fundamentalis di Mesir, India-Pakistan dan Iran memperlihat dengan jelas ciri-ciri 'ketinggalan' mengikut perspektif Islam. Undang-undang ciptaan manusia telah diberi tempat mengatasi Undang-undang Shariah, dan anggota masyarakat telah menganut falsafah hidup yang lain dari yang telah ditetapkan oleh Al-Quran dan Al-Hadith. Kesemua ini adalah merupakan "negation" kepada ideal kehidupan Islam. Di Mesir, sistem perundangan Perancis telah dilaksanakan: rakyat pula semakin mendewa-dewakan tamaddun barat. Arak judi, bilik dansa menjadi kemegahan setengah daripada mereka. Di India dan Pakistan Undang-undang Shariah yang diamalkan sebelum kedatangan British semakin diketepikan dan diganti dengan

26. Abul A'la Maududi, Islamic Way of Life, hal. 8 dan 18.

Undang-undang yang dibawa oleh penjajah itu. Fahaman dan isme-isme baru, seperti modernisme, sekularisme dan sosialisme telah mula bertapak. Di Iran rakyat hidup terbelenggu oleh sistem diktator dibawah raja-raja Pahlavi yang menagung-agung zaman kegemilang Parsi lepas dan memuliakan carahidup sekular-barat. Monarki yang memerintah telah membazir kekayaan negara yang diperolehi dari penjualan minyak dan membiarkan rakyat menderita. Pada keseluruhannya, golongan-golongan fundamentalis berdepan dengan carahidup yang tidak memuaskan – dan ini merupakan satu kerugian besar kepada individu dan masyarakat yang terbabit dengan perjalananannya. Masyarakat Hausa yang telah diresapi oleh syncretisme dan bidaah, dan penentangan terhadap Islam yang dilakukan oleh Raja Yunha, menyebabkan Mujahid dan Mujaddid Shehu Uthman Dan Fodio memimpin Jamaahnya untuk berjihad.²⁷ Masyarakat Cynrenaica yang tunduk kepada kehendak kebudayaan Itali telah mengerak anggota-anggota pergerakan Sanusiyah untuk menumpukan masa dan tenaga mereka bagi membangun kembali masyarakat Muslim di atas lunas-lunas Al-Quran dan Sunnah Rasullolah.²⁸ Begitu juga halnya dengan pergerakan "Salafiya" Wahabi sebelumnya yang bertindak untuk membawa masyarakat merujuk sepenuhnya kepada Islam yang asal apabila ianya didapati telah tidak lagi diresapi oleh nilai-nilai murni ugama dan diliputi oleh amalan-amalan orthodox.²⁹

Kegiatan ugama golongan tradisional juga dianggap tidak aktif dan maju. Bagi Ikhwan, adalah tidak mencukupi untuk mereka melaku ibadat biasa seperti sembahyang dan puasa sahaja dengan tujuan untuk memasuki surga. Kehidupan yang tidak disertai oleh pelaksanaan undang-undang Islam adalah kehidupan yang tidak lengkap, dan oleh itu adalah kehidupan yang gagal.³⁰ Mawdudi melihat kehidupan ulamak tradisional

27. Lihat A.R. Doi, op.cit., hal. 17-20.

28. Lihat Maryam Jameelah, Three Great Islamic Movements, hal. 18.

29. Lihat Ali Merad, "Reformis In Modern Islam," Culture, Vol. IV, No. 1, 1977, hal. 113.

30. Lihat Ilyasa Ade Bello, "The Society of the Muslim Brethren: An Ideological Study", Al-I'Mahad, Vol. 17, July-September, 1980, hal. 212-214.

49. Lihat juga Richard P. Mitchell, op.cit., hal. 212-214.

dari sudut yang sama. Mereka yang telah bertapak kuat dalam masyarakat India berjiwa konservatif dan tidak sanggup menghadapi zaman yang berubah dengan kekuatan yang ada pada ugama mereka. Keadaan sedikit berbeda di Iran dimana ulamak yang umumnya bersikap radikal telah mempelopori perjuangan jihad.

Keadaan masyarakat, akibat dari kegagalannya menjalankan kehidupan berpandukan kurikulum yang telah disediakan oleh Allah,³¹ begitu dasyat pada penglihatan pemimpin-pemimpin golongan fundamentalis. Ideologue Ikhwanul Muslimoon, Sayed Qutb, mentafsirkan masyarakat yang ketinggalan ini sebagai masyarakat jahiliyah -

"Jahiliyah ini tegak diatas dasar mencabul kekuasaan-kekuasaan Allah dimuka bumi dan merampas hak istimewa Allah ..." ³²

Maududi juga menguna istilah yang sama untuk keadaan dimana manusia tidak lagi membina tamaddunnya berdasarkan wahyu dan menjayakan dasar Islam dalam kehidupannya.³³ Mengikut Khomeini pula, kehidupan seumpama ini adalah kehidupan yang dimanipulasi oleh syaitan.

Masyarakat yang ditempa oleh manusia yang melupai Allah ini tidak mendapat keredhaanNya. Asasnya tidak betul, maka segala pencapaian oleh manusia dalam konteks perkembangan kebudayaan itu adalah ber-salah dengan cita-cita Islam. Hakikat sebenarnya ialah ianya bukan sebuah masyarakat yang bertamaddun disebab ianya dipengaruhi oleh nilai-nilai keharianan dan kebinatangan.³⁴ Ianya adalah masyarakat yang telah menyimpang jauh dari ideal sebagaimana yang telah digaris dan oleh Rasulullah dan al-khulafa al-Rashidin. Dengan berpandukan atheisma

31. Muhammad Qutb, "The Role of Religion in Education," S.N. Al-Attas (editor), Aims and Objectives of Islamic Education, King Abdul Aziz University, Jeddah, 1979, hal. 48-49.

32. Syed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, Kuala Lumpur, 1979, hal. 6.

33. Lihat Khurshid Ahmad and Zafar Ishaw Ansari, "Mawlana Sayyid Abul A'la Maududi: An Introduction to His Vision of Islamic and Islamic Revival," dalam Islamic Perspectives, hal. 367.

34. Abul A'la Maududi, The Sick Nations of the Modern Age, Islamic Publication Ltd., Lahore, 1978, hal. 1.

35. Syed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, hal. 116.

dan materialisme, manusia akan berakhir dengan membuat keputusan bahawa alam semesta ini tidak mempunyai penjadinya. Dan apabila mereka merenung kejadian-kejadian dalam alam ini, maka mereka akan berkepercayaan bahawa tidak ada lagi yang wujud di sebalik segala yang dapat dikesan menerusi penggunaan panca indera yang lima. Pendekata, segala kemahuan dan kemusnahan yang dirasai oleh golongan Muslim adalah akibat dari tindakan mereka membelaikan *Shariah*.³⁶ Penganut-penganut Islam ini akan terus berada dalam keadaan demikian selagi mereka tidak merujuk kembali kepada ajaran ugama mereka. Mereka perlu mengubah nasib mereka, kerana 'Allah tidak akan mengubah nasib satu-satu kaum melainkan kaum itu sendiri mengubah nasib mereka. (Al-Quran: XIII: 11).

Merujuk kepada situasi yang dialami oleh masyarakat Muslim, pendukung-pendukung Islam yang berkenaan umumnya berpendapat bahawa golongan yang menanggotai pertubuhan mereka hendaklah terdiri dari mereka yang bertaqwa dan benar-benar faham tentang maksud kehidupan Islamiah. Mereka mestilah berpengetahuan tentang kemajuan yang hendak dituju dan pra-syarat-pra-syarat bagi pencapaiannya. Dalam hubungan ini penekanan kepada *aqidah* sebagai *sine quo non* dalam perjuangan telah menjadi sebahagian dari pemikiran dan perjuangan golongan fundamentalis. Ini disebabkan ianya

"harus dibereskan dahulu dalam jiwa ... sebelum manusia menggarap persoalan-persoalan lain; Kerana sebenarnya *aqidah*lah yang menjadi asas dan dasar segala konsepsi, tanggapan, pertimbangan dan penilaiannya. Seterusnya *aqidah* juga yang menjadi pedoman /dalam menjalani liku-liku kehidupan."³⁷

Sayed Qutb dalam penghuraiannya ini seterusnya menjelaskan bahawa;

"Langkah pembersihan ... adalah merupakan suatu keperluan asasi bagi seseorang yang hendak terjun berkecimpung dalam arena dakwah dengan segala gelombang gelora dan simpang perenangnya. Seseorang dai harus cukup bersih sehingga ia dapat menyelamatkan orang yang berlumur kotor ..." ³⁸

36. "Khomeini: Why An Islamic State?", *Readings In Islam*, Vol. 4, 1979, hal. 47.

37. Sayyid Qutb, *Dibawah Naungan Al-Quran*, (*Fi Zilal Quran*) (terjemahan Siddik Fadhil), ABIM, Kuala Lumpur, 1980, hal. 56.

38. *Ibid.*, hal. 34.

Manusia yang akan mendukung perjuangan Islam sewajarnya mengikat dirinya kepada Allah, kerana komitmen itu akan melahirkan dalam dirinya jiwa mahu berkorban, dedikasi dan kesanggupan membantu pihak lain.³⁹

"Apabila wujud seorang yang benar-benar mukmin akan didapati bersama-nya semua jalan kejayaan."⁴⁰ Dengan kelengkapan seperti inilah Ikhwan diharap dapat menjadi pelopor pembangunan dan kemajuan.⁴¹ Apabila mereka yang terdidik mengikut kehendak Islam ini berjaya menjadi pemimpin negara, maka masyarakat seluruhnya akan berkembang menjurus kearah kemenangan. Maka akan 'terciptalah kebajikan seluruh manusia disegenap persada. Dan orang-orang ini selamanya tidak mungkin rela menyerahkan tumpuk pimpinan kepada golongan yang kafir, sesat dan perosak.'⁴² Maududi juga telah membuat penegasan yang sama. Mengikut beliau pembentukan masyarakat Islam akan tercapai setelah kepimpinan manusia berpindah dari tangan mereka yang mempunyai jiwa yang rosak dan pegangan yang salah kepada tangan mereka yang bertaqwa kepada Allah.⁴³ Dalam keadaan demikian, manusia lain yang diperintah akan mengikut jejak langkah pemimpin-pemimpin mereka dengan menghayati Khomeini juga telah menjelaskan bahawa kalaularah keadaan mengizinkan mereka yang akan dibebankan dengan tugas pemerintahan akan dipilih dari kalangan mereka yang memahami ide dan konsep pemerintahan Islam.⁴⁴ "Mereka yang menjalankan urusan negara kehendaklah mempunyai kepercayaan kepada Islam dan Islam mestilah menjadi asas tindakan

-
39. Ayutollah Morteza Motahheri, "Objectives of the Islamic Revolution," dalam Tell The American People: Perspectives On the Iranian Revolution (David H. Albert: editor), Movement for a New Society, Philadelphic, 1980, hal. 166.
40. Hasan Al-Banna, 3 Bingkisan Risalah Dakwah, hal. 48.
41. Lihat Sayyid Qutb, Dibawah Naungan Al-Quran, op.cit., hal. 90.
42. Lihat Ishak Musa Husaini, op.cit., hal. 48.
43. S. Abul A'la Maududi, The Moral Foundations of the Islamic Movement, Islamic Publication Ltd., Lahore, 1976, hal. 1.
44. Ibid., hal. 5.
- 45.

mereka.⁴⁷ Tanggungjawab ini adalah satu tugas yang besar, dan sekiranya mereka itu gagal dalam memainkan peranan Islamiyah itu maka tempat mereka akan diganti oleh golongan lain. "Dan jika kamu berpaling nescaya Dia akan mengantikan kamu dengan kaum yang lain, dan mereka tidak akan seperti kamu."⁴⁸ Ubur Islam akan berpindah tangan kepada mereka yang sanggup sehingga ugama itu berjaya ditempatnya yang sebenar dan masyarakat berada ditangga kemenangan. Bertolak dari pandangan-pandangan inilah, pihak-pihak fundamentalis cuba membaikki masyarakat dengan menyediakan program-program tarbiyah untuk anggota-anggota pertubuhan mereka yang akan kemudiannya berkecimpung dalam masyarakat berkenaan. Didalam menegakkan Islam, "mengislamkan peri-badi-peribadi itulah yang menjadi tujuan yang utama."⁴⁹ Dan manusia-manusia ini, jika mereka benar-benar berpegang kepada Allah akan menempa kejayaan sekalipun jumlah mereka kecil. (Al-Quran VIII:65).⁵⁰ Dalam menghadapi masyarakat luar pula, gerakan-gerakan fundamentalis telah telah mengatur prosedur-prosedur tertentu bagi membolehnya memupuk ciri-ciri keperibadian Islam yang baik dan supaya tawhid berjaya dimanifestasikan dalam kehidupan sosial. Aspek-aspek At-ta'reef, atau pengenalan kepada Islam,At-tanfeeth atau pelaksanaan program-program dakwah,⁵¹ dan sebagaimanya hendaklah ditekankan dalam penglibatan mereka untuk membangunkan masyarakat. Maududi mensifatkan proses ini sebagai aspek tajdid - yaitu usaha lanjutan dari kegiatan rasul-rasul disepanjang zaman. Ianya melibatkan ijtihad fi al-din atau pemikiran dan langkah bertujuan meletakkan prinsip Islam dalam pembangunan masyarakat. Ijtihad diperingkat pemikiran hendaklah sertai

47. "On the Road To Islamic Rule," The Malay Mail, June 30, 1979.

48. Lihat Sayyid Qutb, Dibawah Naungan Al-Quran, hal. 78.

49. "Riwayat Hidup Al-Imam Hassan Al-Banna," Hasan Al-Banna, 3 Bingkisan Risalah Dakwah.

50. Lihat Sayyed Qutb, Islam And Universal Peace, Muslim Youth Movement of Malaysia, 1979, hal. 10.

51. Lihat Jamal A. Badawi, "Approaches To Muslim Reawakening: Al-Banna's Approach," Al-IHihad, Vol. 5, No.4, October 1978, hal. 26, dan "The Rise of Mass Doctrinal Parties, the Program of Hassan al-Banna and the Muslim Brotherhood, 1936", Robert G. Londen, The Emergence of the Modern Middle East - Selected Readings, New York, 1970, hal. 260-264.

oleh jihad diperingkat praktikal bagi mencapai kejayaan.

Dalam pembinaan kembali masyarakat, golongan-golongan fundamentalis tidaklah menolak kejayaan sains barat, pencapaian teknologi, atau seumpamanya. Hasan Al-Banna pernah menekankan tentang 'compatibility' antara Islam dan teknologi moden. Ini menunjukkan bahawa kemajuan dalam bidang-bidang itu tidak dilihat sebagai penghalang kepada Kemajuan mengikut falsafah perjuangan golongan ini.

Mawdudi juga tidak menolak penerimaan ilmu sains dan teknologi bagi Kemajuan umat. Ilmu-ilmu itu dianggapnya sebagai harta umum yang boleh diserap bagi penggunaan semua, termasuklah orang-orang Islam sendiri. Dengan semangat yang sama juga Khomeini berpendapat bahawa tidak ada percanggahan antara perindustrian dan pemupukan masyarakat Islam sejati.⁵² Cuma pengawasan kejayaan material itu sahaja yang perlu dilakukan supaya tidak berlaku penyelewengan terhadap Undang-undang Allah.⁵³

Realiti Masyarakat Dunia: Potensi dan Harapan. Oleh kerana mesej Islam adalah untuk seluruh manusia, dan ianya merupakan ugama terakhir yang menjadi rakmat kepada sekalian alam, maka golongan fundamentalis juga telah memalingkan pandangan mereka terhadap sektor dunia bukan Muslim. Dalam tanggapan mereka, individu dan masyarakat bukan Muslim begitu sekali memerlukan Islam - "ugama yang telah menggabungkan segala sesuatu yang baik" - untuk memperolehi kejayaan dan

52. Lihat Wilhaim E. Griffith, "The Revival of Islamic Fundamentalism: The Case of Iran," Standard Islamicus, Vol. III, No. 1, hal. 59.

53. Lihat seumpamanya Werner Caskell, "Western Impact And Islamic Civilization," dalam Gustav E. Grunebaum, Unity and Variety In Muslim Civilization, London, 1955, hal. 346 dan F. Abbott, "The Jamaat-l-Islami of Pakistan," The Middle East Journal, Vol. 11, Winter, 1957, No. 1, hal. 37.

54. Hasan Al-Banna, 3 Bingkisan Risalah Dakwah, hal. 63.

kemajuan sebenar. Pencapaiannya selama ini yang diagung-agungkan sebagai kejayaan dan kemajuan dalam kehidupan oleh mereka adalah tidak mempunyai asas yang kukuh dan tidak berpedoman. Ianya "Umumnya bertentangan dengan fitrah umat manusia dan tidak mungkin berkembang kecuali di dalam masyarakat yang mundur ..."⁵⁵ Mengikut Maududi, pada dasarnya hal ini berlaku disebabkan tapak tamaddun mereka tidak diletak di atas kepercayaan ketuhanan. Manusia yang membentuk kebudayaan itu tidak merasa bertanggungjawab terhadap Penjadinya, dan dengan demikian akan bertindak sewenang-wenang dan mengikut perkiraan dan fikiran mereka sahaja.⁵⁶ Hakikat manusia mendominasikan manusia ini menjadi punca segala kejahatan dan kecelakaan; dan penyembahan kepada manusia ini boleh wujud dalam pelbagai bentuk, seperti penyanjungan berlebihan terhadap pemimpin, ketaatan tidak berbelah bagi terhadap parti dan seumpamanya.⁵⁷ Dalam tulisannya Islami Nizam Aur Maghribi La Eini Ja'mhuriyat beliau dengan tegas mengatakan bahawa dalam "masyarakat dimana sistem sosial bergerak diatas prinsip-prinsip sekularisme dan keduniawan, prinsip-prinsip hidup diwujud dan dilanggar setiap hari mengikut perasaan dan kemauan."⁵⁸ Masyarakat seumpama itu mengikut pandangan pejuang-pejuang revolusi Iran adalah masyarakat yang bergerak dibawah sistem Taghoot. Pendekkata, oleh kerana kemerosotan moral dan penjajahan fikiran yang dialaminya, kedudukan manusia dan masyarakat ini menyerupai keadaan jahiliyah ketika Islam pertama kali dianjurkan oleh Nabi Mohamad dahulu.⁵⁹ Dengan yang demikian, kalau-lah masyarakat Arab yang wujud empat belas kurun yang lepas itu memerlukan 'cahaya suci Islam' untuk membolehkannya membersihkan diri-

55. Sayed Qutub, Di Bawah Naungan Al-Quran, hal. 1.

56. Lihat Khurshid Ahmad dan Jafar Ishaq Ansari, op.cit., hal. 368.

57. Sarwat Sawlat, op.cit., hal. 133.

58. Ibid., hal. 137.

59. Muhammad Qutb, Islam The Misunderstood Religion, Dacca, 1969, hal. 30.

nya dan menaikkan statusnya, maka begitulah juga masyarakat dunia pada masa ini. Ianya berkehendakkan Islam untuk mendapat kemajuan yang serupa, yaitu dengan cara manusia merujuk kembali kepada Allah sebagai Tuhan yang sebenar. Keadaan ini menjadi semakin mendesak lagi kerana manusia telah menyerah bulat-bulat kepada kejayaan sains, dan sebagai 'enlightened ignorant' mereka memerlukan rawatan dan pembelaan dari Islam. Cara demikian juga seterusnya akan dapat mewujudkan kembali perseimbangan antara sains dan ugama, kedamaian dalam kehidupan dan kemajuan dalam berfikir.⁶⁰ Mengikut Murshid Ikhwan, Hasan Al-Banna, Allah telah meletakkan tanggungjawab keatas orang-orang Mukmin "untuk menunjukkan manusia jalan yang benar, menunjukkan arah kebaikan kepada manusia seluruhnya, menyinarkan alam sejagat dengan sinar Islam."⁶¹ Selanjutnya beliau telah menekankan bahawa "tugas kita ialah memimpin dunia dan membimbing manusia ke arah sistem Islam dan ajarannya, dimana manusia tidak akan bahagia tanpa sistem dan ajaran ini."⁶² Sebagai orang Islam mereka adalah manusia terbaik - 'manusia yang menyuruh kepada ma'ruf dan menegah yang mungkar' dan oleh yang demikian mereka wajib membentuk 'human society according to the immutable, everlasting, divine law of wahy'.⁶³ Dengan kesedaran yang serupa, Khomeini mengisyiharkan bahawa "kami tidak mahu apa-apa dari dunia kecuali kemenangan untuk undang-undang Islam."⁶⁴ Muhammad Qutb, pemimpin Ikhwan yang telah berhijrah ke Arab Saudi, mempunyai pandangan optimis tentang kemajuan yang boleh dicapai oleh manusia menerusi Islam diabad ini. Bagi beliau manusia dizaman ini mempunyai kemudahan dan harapan yang lebih untuk mencapai objektif mulia itu, kecuali dibidang moral.⁶⁵ Mereka telah dilengkap dengan pencapaian-pencapaian material dan ilmu yang akan memudahkan mereka

60. Ibid., hal. 28.

61. Hassan Al-Banna, 3 Bingkisan Risalah Dakwah, hal. 44.

62. Ibid., hal. 46.

63. Aziz Ahmad, op.cit., hal. 209.

64. Tehran Times, October 22, 1981.

65. Muhammad Qutb, Islam The Misunderstood Religion, hal. 237.

menuju cita-cita yang dianjurkan oleh Islam. Di samping itu, oleh sebab-sebab lain yang sedia termaklum, Islam juga telah dilihat sebagai ugama masadepan, 'the religion of the future'.⁶⁶ Apabila itu menjadi realiti, segala keimbangan yang ditunjul oleh pemikir-pemikir barat mengenai tamaddun mereka yang kini berada diambang kemusnahan itu akan terhapus. Dan masa itu tidak lama lagi akan tiba kerana keadaan yang dihadapi oleh manusia kini begitu mendesak sekali.⁶⁷ Manusia yang menghuni negara barat seharusnya diberitahu tentang hal ini untuk membolehkan mereka mengubati penyakit yang sekian lama menghinggapi kehidupan mereka. Kesempurnaan hidup yang mereka cari hanya terdapat menerusi Islam.⁶⁸ Selanjutnya tindakan mereka merujuk kepada Islam akan membawa mereka kepada kehidupan yang selari dengan fitrah mereka, dan pelakuan yang menyerupai pelakuan segala kejadian lain yang tunduk dan sujud kepada Penjadinya. (Al-Quran: III:83).⁶⁹

Realiti Sejarah, Bukti dan Inspirasi. Dalam menganalisa problem-problem yang dihadapi oleh masyarakat dan memperkatakan cara-cara penyelesaiannya, golongan fundamentalis tidak ketinggalan membawa kes-kes dari lembaran sejarah untuk memperingatkan manusia tentang bahaya akibat dari peninggalan undang-undang yang diwahyukan dan keuntungan yang telah diperolehi lanjutan dari pendukungannya. Dalam konteks ini kesah-kesah dari Al-Quran seringkali diriwayatkan kembali dan peristiwa-peristiwa dari Seerah Nabi diungkitkan. Motif utama ialah untuk memperlihatkan pertentangan antara aliran kebenaran dan kebatilan yang telah menjadi intisari perjalanan sejarah, dan bagaimana kemenangan dicapai oleh pihak yang berpegang kepada penganut-

66. Sayyid Kutub, Islam - The Religion of The Future, IIFS, 1971, hal.8 dan 115.

67. Ibid., hal. 11-12.

68. S. Abul A'la Maududi, The Sick Nations of the Modern Age, hal. 5.

69. Lihat Sayyid Kutub, Islam - The Religion of the Future, op.cit., hal. 14.

100

penganut ugama Allah yang setia.⁷⁰ Ini disebabkan pertolongan Tuhan kepada mereka yang berjuang dijalannya sentiasa menyusul. Sebagaimana firmanya, 'Hai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong (agama) Allah, nescaya Dia akan menolongmu dan meneguhkan kedudukanmu'.⁷¹ Dengan kepercayaan yang sama Khomeini memberitahu bahwa kejayaan revolusi Iran adalah manifestasi kekuasaan Allah apabila ditanya tentang sebab-sebab yang membawa kepada kemenangan rakyat Islam Iran.⁷² Sememangnya, sejarah lepas pernah dipenuhi oleh kesah-kesah kejayaan manusia, yaitu ketika mereka sujud kepada Allah dan mengikuti suruhan Rasulnya. Umat Islam sendiri pernah memegang teraju kemajuan dalam sejarah kemanusiaan ketika mereka mendukung cita-cita Islamiyah dan berjuang bagi mendapat keredhaan Tuhan.⁷³ Golongan fundamentalis merasa optimis tentang kejayaan dan kemajuan yang akan dicapai oleh manusia sekiranya mereka memegang kepada prinsip Islam dalam kehidupan mereka. Antara rasional mereka ialah, kalaulah manusia disuatu waktu yang silam berjaya menempa kejayaan dan memperolehi kemajuan dengan mengikuti kehendak Islam, maka manusia hari ini juga bisa mencapai objektif yang serupa sekiranya mereka patuh kepada tuntutan-tuntutan ugama itu.⁷⁴ Ertinya, idealisme seperti ini mempunyai bukti-bukti dalam sejarah lepas, dan seterusnya pernah mengarah kehidupan manusia ketika itu.⁷⁵ Ini juga menjadi contoh konkret tentang sifatnya yang praktis, dan kemampuannya untuk dihayati lagi. Ini tidak lain dan tidak bukan disebabkan "Allah telahpun menyediakan dalam ugama itu asas-asas yang pasti untuk kehidupan, kebangunan dan kebahagian ummat"⁷⁶

-
70. Lihat Kurshid Ahmad dan Zafar Ishaq Ansari, op.cit., hal. 374.
71. Lihat Sayyid Qutb, Dibawah Naungan Al-Quran, hal. 67.
72. Lihat Kalim Siddique (editor), The Islamic Revolution In Iran, hal. 62.
73. Muhammad Qutb, Islam The Misunderstood Religion, hal. 38.
74. Ibid., hal. 37.
75. Ibid., hal. 234.
76. Hasan Al-Banna, 3 Bingkisan Risalah Dakwah, hal. 70. Lihat juga Ishak Musa Husaini, op.cit., hal. 40.

Perjuangan pembelaan dan kemerdekaan yang dipelopori oleh golongan fundamentalis juga memperlihatkan komitmen mereka terhadap ide Kemajuan. Sungguhpun pihak tersebut jarang menjelaskan matlamat mereka sebagai 'Kemajuan' dalam konteks ini, namun pemikiran dan tindak tanduk mereka berhubung dengan isu pembelaan dan kemerdekaan, sama ada di peringkat individu atau sosial, menunjukkan arah progresif yang ingin mereka tuju. Pembelaan dari keadaan masakini yang dianggap tidak memuaskan akan mempertingkatkan martabat seseorang individu dan mendekatkannya lagi kepada Allah. Manakala pembelaan bagi satu-satu masyarakat bermakna satu perjalanan yang membawanya lebih dekat kepada penghayatan dasar Islam sepenuhnya. Malah mengikut Muhammad Qutb, Islam itu sendiri bermakna pembelaan dari semua bentuk pengabdian yang boleh membantut kemajuan manusia atau yang menyekatnya dari memperolehi kebaikan. Khomeini juga telah memberi penekanan serupa kepada aspek "pembelaan" ini. Mengikut pemimpin revolusi itu, "Islam adalah agama perjuangan, agama kaum pejuang yang berjuang urtuk kebenaran, hak, dan keadilan. Agama Islam mewajibkan perjuangan kemerdekaan dan pembelaan, dan menolak untuk dijajah."⁷⁷

Kewajipan membebaskan manusia dari setiap bentuk pembelengguan adalah tugas dan tanggungjawab setiap individu yang mengaku dirinya berugama Islam. Fungsi berdakwah adalah peranan yang dikenakan ke atasnya secara otomatis disebabkan kedudukannya sebagai manusia yang telah dianugerahkan oleh Tuhan/ugama yang mulia, dan ugama itu perlu disebar kepada manusia lain. Adalah jauh dari mencukupi baginya untuk tinggal sebagai orang Islam pada nama sahaja; sikap sedemikian tidak melepaskannya dari tanggungjawab yang telah diberi oleh Allah kepadanya. Kemerdekaan yang cuba mereka perjuangkan adalah kemerdekaan

77. Ayatullah Ruhullah Khomeini, Al-Hukumah Al-Islamiyah, dipetik dari Matahari, Maret 11, 1979, hal. 16.

yang menyeluruh, dan bukan setakat terhad kepada kemerdekaan politik yang melibatkan pembebasan dari cengkaman penjajahan. Dalam konteks perkembangan sosial, kemajuan hanya dicapai apabila masyarakat tidak lagi terbelenggu oleh mana-mana sistem pemerintahan dan kehidupan, sama ada yang diperkenalkan oleh penjajah atau yang dicipta oleh manusia.

Masyarakat Muslim: Penghayatan Dasar Islam. Dalam menuju cita-cita Islam, maka persoalan pokok yang bersangkutan dengan pembersihan jiwa individu ialah pembersihan masyarakat itu sendiri. "Tugas utama kita ialah mengubah realiti masyarakat ini. Tugas utama kita ialah mencabut realiti jahiliah itu dari akar umbinya, realiti yang bertentangan dan berlanggar secara prinsipal dengan aspirasi Islam dan konsep Islam...."⁷⁸ Atas pendirian inilah, Ikhwan berpendapat bahawa rejim yang ada, sama ada yang bercorak tradisionalis, modernis atau sekularis, hendaklah terlebih dahulu dihapuskan.⁷⁹ Kehadiran sistem-sistem tadi merupakan batu penghalang kepada pencapaian cita-cita Islamiyah, dan oleh itu merupakan benteng kepada kemajuan umat.⁸⁰ Seiring dengan pelaksanaan cita-cita ini pembebasan tanahair dan dunia Arab juga menjadi tugas penting. Tidak hairanlah Ikhwanul Muslimoon begitu ghairah sekali berjihad membebaskan Palestin.⁸¹ Anggota-anggota pertubuhan itu dengan bimbingan pemimpin-pemimpin mereka seperti Sheikh Farghali telah melibatkan diri dari awal-awal lagi dalam kegiatan militari untuk menumpas musuh dan merebut tanah yang telah dirampas oleh Yahudi itu.⁸² Mereka juga adalah perwira-perwira Mesir yang berada ditarisan depan menentang askar-askar British apabila krisis Suez meletus. Kesemua ini adalah sebahagian dari cita-cita dan usaha mereka untuk membangun umat di atas landasan yang direhui oleh Allah.⁸³ Masalah yang dihadapi oleh Maududi dan Jamaahnya tidak banyak berbeda. Jamaati l-Islami

78. Syed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, hal. 16.

79. Lihat Donald Engene Smith, op.cit., hal. 133.

80. Lihat Shaikh Mustaffa al-Sibai, "Islam As the State Religion: A Muslim Brotherhood View In Syria" (terjemahan R. Bagley Winder), The Muslim World, Vol. XLIV, No. 3 & 4, hal. 218.

81. Lihat Donald Engene Smith, op.cit., hal. 134.

82. Lihat P.G. Vatikiotis, Nasser And His Generation, London, 1978, bab. 4.

juga terpaksa membebaskan benua kecil India dari pengaruh Kapitalisme,
 korupsi yang menekan pentadbiran,⁸³ dan menghancur "unsur-unsur
 pemberontakan terhadap Ilahi yang terdapat dalam masyarakat," seperti
 nasionalisme. Pergerakan ini juga terpaksa berdepan dengan kuasa
 tirani (tyrannical power) British dan segala bentuk pengaruh luar
 yang dibawa oleh penjajah itu. Bagi meletakkan tapak kemerdekaan,
 maka penghapusan segala sesuatu yang bersifat mencabar sistem

⁸⁴ Islam terpaksa dilakukan. Dan sejajar dengan aspirasi ini, maka
 Khomeini telah menjadikan pembebasan Iran dari penguasaan oleh kuasa
 luar sebagai objektif perzamanya.⁸⁵ Dominasi kuasa-kuasa luar ke
 atas Iran, sama ada dominasi itu bercorak politik, militari, budaya
 atau ekonomi hendaklah diherentikan. Pembebasan tahap kedua me-
 libatkan pembersihan kemerterian, pejabat-pejabat kerajaan dan
 institusi-institusi dalam masyarakat dari segala unsur-unsur ke-

⁸⁶ Ini akan membuka jalan kepada pembangunan yang telah
 terbantut akibat ianya dilompromikan oleh Shah dengan kehadiran
 Amerika Syarikat.⁸⁷ Pergerakan itu akan berjalan terus sehingga
 musuh-musuh Allah ditiwaskan dan "undang-undang adil Allah di-

⁸⁸ kuatkuasakan dalam semua lapangan hidup.⁸⁸ Dengan pembebasan
 seumpama ini, Iran akan menjadi sebuah kuasa besar dan bebas kerana
 dengan itu ianya akan kembali kepada prinsip moral, cita-cita

83. Lihat R. Abbott, op.cit., hal. 49.

84. Lihat Charles J. Adams, op.cit., hal. 373-374.

85. "There is No Possible Solution In Iran Without The Removal of the
 Pahlavi Dynasty," dalam Iran Erupts, hal. 19.

86. "Transcript of French Radio and Television's Interview With
 Ayatullah Khomeini," The Muslim Students' Association of the US
 and Canada, 1978, hal. 1.

87. Lihat "An Exile's Dream For Iran: An Interview With The Shiite
 Leader Ayatollah Khomeini," dalam Ali Nobari, Iran Erupts, Stanford
 University, 1978, hal. 12.

88. Mohiuddin Ayyubi (compiles), Khomeini Speaks Revolution, Karachi,
 1981, hal. 43.

104

89 tawhid dan kepercayaan sepenuhnya kepada Allah. Di sini terdapat satu perbedaan dasar yang penting. Barat membebaskan dirinya dari agama untuk meneroka Kemajuan dan akibat dari itu zaman Renaissance telah berkembang. Khomeini berusaha membebaskan masyarakat dari cengkaman sekularisme dan bertindak menempatkan agama ditakhtanya yang sebenar.⁹⁰ Baginya itulah kemajuan hakiki.

Masyarakat Dunia: Pembelaan Manusia Sejagat. Pembebasan masyarakat Muslim adalah salah satu aspek atau tahap pertama dalam perjuangan Islam. Oleh kerana ugama Allah merupakan rahmat kepada sekalian alam, termasuk tanaman dan haiwan, apatah lagi manusia yang tidak berugama Islam, maka risalah yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadith perlu disampaikan kepada semua. "Islam adalah merupakan suatu proklamasi umum untuk membebaskan 'umat manusia' di bumi ini dari pada menjadi mangsa pengabdian oleh manusia atas sesama manusia, daripada menjadi mengsa pengabdian kepada hawa nafsu serokahnya...."⁹¹ Pemanjiran fikiran ciptaan manusia (Al-Ghazwu Fikri) dan tamaddun yang tidak berdasarkan tawhid yang terdapat didunia bukan Muslim khasnya tidak terlepas dari menjadi objektif pendakwahan golongan fundamentalis.

Asas utama kepada pendakwahan yang cuba dilakukan terhadap masyarakat bukan Muslim ialah firman Allah bahawa "Sesungguhnya, agama (yang benar) di sisi Allah ialah Islam" (Al-Quran - III:19).⁹² Cara hidup yang diperkenalkan oleh Nabi Mohamad hendaklah dipopularkan agar ianya menjadi ikutan semua, di timur dan di barat kerana ada pada Rasulullah itu contoh tauladan yang baik bagi mereka yang

90. "Revolusi dan Evolusi", Panji Masyarakat (Jakarta), Maret, 1979, hal. 6-7.

91. Syed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, hal. 55-56.

92. Lihat S. Abul A'la Maududi, "Islam: Agama Dan Carahidup", (terjemahan Abdul Majid Haji Khatib), Al-Islam, April, 1980, hal.13.

89. Lihat Barry Rubin, Lived With Good Intentions: The American Experience and Iran, Oxford University Press, 1980, hal. 276.

ingin menemui Allah dan hari akhirat'. Inilah hakikat yang membuat Hasan Al-Banna memetik kata-kata Bernard Shaw: "Alangkah berhajatnya dunia dizaman moden ini kepada seorang lelaki seperti Mohamad yang dapat menyelesaikan masalah yang wujud dan sulit" ketika itu.⁹³

Pembebasan masyarakat bukan Muslim, terutama di barat, hendaklah dilakukan dengan segera. Keadaannya menyerupai kedudukan zaman Mohamad ketika ianya memerlukan seorang rasul bagi memberi kemerdekaan kepadanya. Prinsip hidup dan teori-teori yang pernah dikemukakan bagi memberinya keselamatan (*solvation*) ternyata gagal.⁹⁴ Dengan harapan agar masyarakat dunia itu dapat dibela menerusi Islam, maka Khomeini telah membuat seruannya yang terkenal; "Rise and unite and expell all oppressors from the scene, because the earth belongs to God and the oppressed are its inheritors."⁹⁵ Secara tidak langsung ini menjelaskan bahawa pada pandangan pemimpin revolusi itu dunia kini masih dikuasai oleh "atheistic order", dan negara Iran akan bergerak terus menuju kearah "complete annihilation of domination of aggression."⁹⁶

Mujaddid Mullah Dan Perjuangan Islam. Proses pembebasan manusia dari belenggu sistem dan fahaman yang tidak berteraskan kepercayaan tawhid akan berjalan terus, sebagaimana ianya telah berjalan tidak putus-putus pada masa yang lepas. Keadaan masadepan hanyalah lanjutan kepada keadaan masakini, dan keadaan masakini adalah lanjutan dari keadaan masalepas. Penerusan pendakwahan dalam masyarakat ini berkaitan rapat dengan kemunculan mujaddid-mujaddid dan ulamak-

93. Lihat Hasan Al-Bana, 3 Bingkisan Risalah Dakwah, hal. 97.

94. Sayyid Qutb, Islam: The Religion of the Future, hal. 115.

95. "Special Focus", Newsletter, Centre for the Study of Islam and Christianity, May 3, 1980, Muslim Relations, Selly Oak Colleges, Birmingham, hal. 9.

96. Iran Newsletter, No. 36, February 20, 1981, hal. 3.

ulamak yang bertindak sebagai warisan ambia. Selain daripada itu, Sejarah Islam juga mengandungi cerita-cerita kepahlawanan pejuang-pejuang dan pergerakan Islam yang sukar ditandingi.

Keterangan dari sebuah Hadith membuktikan bahawa kebangkitan mujaddid adalah satu kepastian. Rasullolah bersabda: 'Allah akan membangkitkan pada akhir setiap kurun seorang yang akan membela ummat dan kedudukan ugama mereka'. Mereka ini akan menganalisa penyakit-penyakit yang dihinggapi oleh masyarakat dan mengadakan skima untuk membaikinya sejajar dengan kehendak Islam.⁹⁷ Bagi pengikut-pengikut Shiah Ithna Ashaari (twelvers) ulamak-ulamak (mullah) mereka telah bangkit dari semasa kesemasa bagi membela masyarakat dan bertindak sebagai wakil kepada Iman al-zaman yang masih berada dalam ghaibah; tindakan mereka hari ini adalah sebahagian dari perjuangan berpanjangan itu.

Perjuangan pembebasan pada masa lalu ternyata telah menempa pelbagai kejayaan sehingga dunia bukan Muslim turut sama memperolehi munafaat dari sumbangan tamaddun Islam.

"Manhaj Islam adalah manhaj yang telah dicuba dan sejarah telah membuktikan kemampuan manhaj ini. Manhaj ini juga telah menunjukkan kepada manusia sati umat yang paling kuat, umat yang utama, umat yang menghormati, umat yang membawa berkat kepada insaniah seluruhnya."

Dalam konteks ini, pendakwahan yang dilakukan oleh Nabi Mohamad merupakan contoh utama. Beliau berhasil membebaskan bangsa Arab yang jahiliah dan menjadikannya satu bangsa yang besar lagi dihormati. Perjuangan pembebasan yang dilakukan oleh tentera Islam di Qadisyiah juga sering ditimbulkan untuk memaparkan bentuk kemerdekaan yang diperolehi oleh manusia setelah Islam bertapak. Cerita pembukaan Sepanyol oleh tentera yang ingin mendaulatkan kalimat Allah juga dipopularkan untuk dijadikan rujukan dalam perjuangan pembebasan dan kemerdekaan.

97. Linet Sayyid Abul A'la Maududi, A Short History of the Revivalist In Islam, Delhi, 1973, hal. 32-36.

98. Hasan Al-Bana, 3 Bingkisan Risalah Dahwah, hal. 96.

Oleh kerana matlamat yang ingin dituju oleh pejuang-pejuang fundamentalis ialah pembentukan masyarakat makmur atau negara indah lagi diredhai Allah, maka dengan sendirinya pencapaian objektif itu merupakan Kemajuan ideal bagi mereka itu. Bagi mereka pembentukan masyarakat atau negara seumpama itu bukanlah satu pekiraan Utopia yang tidak berpijak di bumi nyata, tetapi ianya adalah sebuah idealisme praktis berdasarkan pengalaman sejarah dan perintah Allah yang terdapat dalam ajaran Islam. "Dakwah Islamiyah telah pun melahir satu jenerasi manusia, jenerasi tsahabat Rasulullah S.A.W. Ridhwanullahi alaihim, iaitu suatu jenerasi yang paling istimewa didalam sejarah Islam dan di dalam sejarah kemanusiaan seluruhnya."⁹⁹ Itulah tahap ketika manusia mencapai kemajuan "vertical" dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Mengikut Sayyed Hussein Nasr, "Renaissance in the Islamic sense can only mean a rebirth, or literally renaissance, of Islamic principles and norms, and not just a rebirth of no matter what."¹⁰⁰ Ini bermakna manusia, Muslim dan bukan Muslim, akan mendapat harapan baru untuk menghadapi problem-problem hidup. Atau untuk menggunakan kata-kata Yusuf Al-Qardhawi, "... penyelesaian secara Islam ialah satu gagasan yang melahirkan masyarakat Islam kealam mawjud dengan segala ciri ... serta lunas-lunasnya yang baik"¹⁰¹ Inilah yang menjadi asas kepada harapan tadi, kerana "Masyarakat Islam" ialah sebenar-benarnya masyarakat yang "bertamaddun". Ianya memberi sinar kepada semua pihak.

99. Syed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, hal. 9.

100. Sayyed Hossein Nasr, Islam and the Plight of Modern Man, Longman, New York and London, 1975, hal. 127.

101. Dr. Yusuf Al-Qardhawi, "Masalah Umat Dan Penyelesaiannya Menurut Islam," Panji Masyarakat, Jun 1979, hal. 29.

102. Sayed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, hal. 112.

Oleh kerana zaman Nabi dan Khalifah Al-Rashidun adalah zaman mercu dan ideal mengikut perspektif Islam, maka matlamat pencapaian mereka seharusnya menjadi ukuran dalam menentukan had-had dalam perjuangan umat Islam hari ini. Dengan cara merujuk semata-mata kepada pelakuan mereka, maka penganut-penganut Islam sebenarnya telah menghubungkan kehendak dan kegiatan mereka dengan tuntutan Allah.¹⁰³

Satu keistimewaan yang terdapat pada zaman itu, dan yang menjadi rujukan penting kepada golongan fundamentalis, ialah ketaqwaan mereka yang menganggotai masyarakat Islam. "Akidah" merupakan "rupa bangsa yang mengumpulkan orang-orang berkulit puteh, hitam, merah dan kuning" dan menjadikan mereka "satu umat yang bertuhankan Allah, yang memuja dan menyembahnya sahaja."¹⁰⁴ Dan kini masyarakat sempama itu "adalah satu keperluan semasa dan cita-cita masa depan."¹⁰⁵

Bagi Ikhwan dan Jamaati-Islami, model yang digunakan untuk membangunkan kembali masyarakat Islam ialah realiti kehidupan di zaman Nabi dan Khalifah Al-Rashidun. Itulah bentuk Hukumat-i-Ilahaiya yang ingin divujudkan kealam kenyataan pada masakini.

Maududi mengguna istilah Khilafah ala Minhaj al-Nubuwah. Sebagai deskripsi pemerintahan yang diharap terbentuk nanti.¹⁰⁶ Bagi pencapaian cita-cita mereka, Ikhwan dan Jamaat bergerak dan bertindak untuk mengadakan kembali sistem khalifah Islam yang telah dilenyapkan itu. Golongan fundamentalis di Iran mempunyai persepsi yang sedikit berbeda mengenai masyarakat ideal atau masyarakat sempurna ini. Sebagai penganut Islam yang bermazhab shiah Ithna Ashhaari (Twelvers), mereka bukunya bina bahawa masyarakat impian itu akan terbentuk dengan kemunculan Imam kedua belas mereka yang selama ini

103. Lihat Ilyas Ade Bello, op.cit., hal. 51.

104. Syed Qutb, Petunjuk Sepanjang Jalan, hal. 114.

105. Ibid., hal. 124.

106. Lihat Khurshid Ahmad and Zafar Ishaq Ansari, op.cit., hal. 374.

telah menghilangkan diri (ghaib). Dengan kewujudan masyarakat itu, keadilan akan tegak, manusia akan hidup dengan keamanan dan kesejahteraan dan kehidupan rohaninya akan mencapai kesempurnaan.¹⁰⁷

Pergerakan millenaria yang selama ini menjadi aspek penting dalam sejarah penganut Islam yang bermazhab shiah mempunyai hubungan erat dengan kepercayaan ini.¹⁰⁸ Walau bagaimanapun, dari sudut-sudut yang lain, sifat-sifat masyarakat yang berjaya pada kacamata penganut mazhab shiah tidak berbeda dari idealisme yang diperjuangkan oleh penganut-penganut mashab Ahlu-Sunnah Waljamaah. Negara ideal Islam ialah negara yang diasaskan kepada panduan Al-Quran, dan pedoman yang diletakkan oleh Nabi Mohammad, dengan kepimpinannya dipegang oleh mereka yang bertaqwa dan berpengetahuan ugama.¹⁰⁹

Sebagai masyarakat atau negara yang diciptakan oleh Shariat, maka ianya bergerak berlandaskan prinsip-prinsip yang diwahyukan. Sebagai sebuah masyarakat ianya adalah masyarakat yang berideologi. Kalau-lah dilihat dari sudut kenegaraan, maka pemerintahannya adalah bercorak "theo-democracy" (istilah Maududi) mengenai struktur politiknya pula, maka Al-Quranlah yang menjadi perlembagaan negara, shura menjadi mekanisma pengurusannya, dan pemimpin-pemimpin pula bertindak dengan penuh kewaspadaan tentang kontraknya dengan Tuhan, dan kontraknya dengan rakyat.¹¹⁰ Mengikut perspektif Shah, interaksi antara ummah dan immanat akan melahirkan pergerakan dinamik menuju takamul (kesempurnaan).

Oleh kerana perjalanan diatas maka keharmonian akan wujud dalam masyarakat, kerana undang-undang Allah semestinya selari dengan fitrah manusia. Keserasikan ini menimbul kesejahteraan. Dengan penuh keimanan dan tanggungjawab, rakyat berinteraksi untuk menjalani

107. Allamah Sayyid Muhammad Husayn Tabatabai, Shi'ite Islam, (terjemahan Sayyid Husayn Nasr), Houston, 1979, hal. 212.

108. Lihat William E. Griffith, op.cit., hal. 49 dan 52.

109. "Iran: A Year After", The Economist, February 23, 1980.

110. Lihat Richard P. Mitchell, op.cit., hal. 246.

kan ibadat sebagai khalifah dan makhluk yang setia. Allah sukakan mereka, dan mereka sukakanNya. Masyarakat mereka adalah masyarakat yang redha dan diredhai. Dari aspek sosial pula, pelaksanaan dasar ekonomi Islam, menerusi sistem zakat, akan mewujudkan keadilan. Jurang antara yang berada dengan yang kurang berada disempitkan. Si miskin menghormati si kaya, dan kemungkinan kecurian berlaku hampir tidak wujud lagi. Wanita mendapat tempat istimewa, sejajar dengan kedudukannya sebagai insan yang telah diberi taraf yang tersendiri. Persundalan, perzinaan dan kebebasan seks tidak lagi menjadi problem masyarakat. Watak-watak yang mementingkan diri, yang mendewa-dewakan kebendaan dan yang bersikap individualistik tidak akan diberi tempat. Perangai kehaiwanan dan kebinatangan yang ada pada manusia akan beransur lenyap.

Jelas sekali bahawa manusia yang dibentuk oleh Islam adalah manusia yang berjiwa besar; kerana dia tidak bertindak mengikut kepentingan diri dan hawa nafsu. Oleh kerana matlamat perjuangan bukannya keuntungan material di dunia, dan penekanan dalam kehidupan bermasyarakat ialah persaudaraan sesama Islam, maka pelakuan dan interaksi manusia dalam sistem ini akan membuka jalan kepada kemajuan dan kemewahan yang tulin. Ertinya kehidupan dunia winya mempunyai dimensi baru yang mempunyai ruang-ruang untuknya menempa kemajuan demi kemajuan. Di samping itu, anggota masyarakat pula akan merasa selamat dan sejahtera dalam kehidupan mereka, selain dari menunggu dengan penuh ghairah dan gembira Keselamatan dan Kesejahteraan di akhirat nanti.¹¹¹ Pendek kata kehidupan yang ditempa oleh Islam adalah kemajuan, kerana ianya adalah "kehidupan di alam tinggi yang diurus oleh Allah di mana ia menambah lagi limpahan anugerahnya yang berupa hidayat, kejernihan dan kecerahan, Ianya adalah satu kehidupan yang mutu makmur di bawah lindungan Allah".¹¹²

111. Lihat Muhammad Qutb, Islam The Misunderstood Religion, hal. 21.

112. Sayyid Qutb, Dibawah Naungan Al-Quran, op.cit., hal. 92.

Penutup: Islam dan 'The Idea of Progress'

Kalau diteliti aspek-aspek pemikiran dan perjuangan golongan fundamentalis ternyata sekali bahawa mereka sebenarnya adalah pihak dalam masyarakat Muslim yang begitu kuat mendukung cita-cita Islam. Malah pendekatan mereka terhadap kehidupan adalah pendekatan yang dituntut oleh Islam, sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran dan Al-Hadith. Hakikat ini terpaksa diakui oleh setengah pengkaji-pengkaji barat sendiri seperti Leonard Binder;

"... the fundamentalist doctrine is Islamic doctrine ... doctrine ... it is more akin to the position of the traditionalists concerned with the place of Islam in wider framework, but see Islam as setting the framework within which all questions social, economic and political are to be resolved."¹¹³

Dengan demikian ide Kemajuan mereka dapat dirumuskan sebagai ide Kemajuan mengikut kacamata Islam.

Di barat, secara universalnya, ide Kemajuan (The Idea of Progress) didasarkan kepada kepercayaan bahawa masa depan semestinya lebih baik dari masakini, dan masakini sememangnya lebih baik dari masalepas, tanpa mengira isi atau kandungan masa-masa tersebut. Pandangan yang lahir dari evolutionist mentality ini melihat perjalanan sejarah sebagai pergerakan manusia yang sedang dan pasti menuju kearah matlamat yang dikehendaki (in a desirable direction) dan perubahan (change) ini sudah cukup menjadi tanda kemajuan itu. Tanpa perubahan tidak akan wujud kemajuan.¹¹⁴ Perkembangan ini berlaku

113. Leonard Binder, op.cit., hal. 46. Dan amatlah silap apabila seorang penulis, Detler H.Khalid, dalam sebuah artikelnya yang tersiar dalam Aussen Politik membuat kesimpulan bahawa "fahaman fundamentalis/ itu ternyata sekali mengandungi ciri-ciri yang mudah dalam Islam. Bagi menghadapi cabaran masa, fahaman tersebut lantas memberi cara penyelesaian yang tersendiri". Lihat Detler H. Khalid, "Apakah fahaman Fundamentalis?" (terjemahan ZF), Utusan Malaysia, Mac 27, 1979.

114. Lihat Maryam Jameela Begum, "The Dogma of 'Progress': Our Deadliest Enemy", Muslim News International, February 1966, hal. 30-31.

disebabkan oleh penambahan ilmu,¹¹⁵ pencapaian sains dan teknoloji dan kejayaan-kejayaan lain yang membolehkan manusia mengguna potensi, dalam kehidupan mereka keperingkat maksima dan menguasai alam sekelilingnya dengan lebih effektif dan menyeluruh. Kebahgiaan akan dapat dikecapi dalam suasana seperti ini. Dalam hubungan ini Kemajuan diatas dicapai dengan cara memkebelakangkan kepercayaan kepada Tuhan, pemupukan sekularisme dalam kehidupan bernegara, atau dalam istilah yang lain tanpa penglibatan 'kuasa luar', -- segalanya hendaklah berpunca dari manusia.¹¹⁶ Ini boleh dikatakan menjadi pegangan penting ahli-ahli fikir barat seperti Turgot, Condorcet, Comte, Marx, Mill dan Spencer dalam membuat ukuran tentang kemajuan.¹¹⁷

Oleh kerana gerakan-gerakan Islam fundamentalis mempunyai persepsi yang berbeda, malah bercanggah, dengan pandangan pihak-pihak lain tentang 'Kemajuan', mereka sering dicap sebagai puak-puak yang menentang Kemajuan itu sendiri. Sebagai contoh, laporan yang dikeluar oleh Jawatankuasa Perundangan Mesir pada bulan Disember 1965 telah menuduh pihak Ikhwanul Muslimoon sebagai bertanggungjawab menyekat cita-cita pembangunan dan kemajuan negara itu, disamping bergerak sebagai ajen-ajen imperialisme.¹¹⁸ Dan baru-baru ini pula, Presiden Mubarak yang mengambil alih pemerintahan Mesir dari Anwar Sadat, dalam usaha beliau untuk menghancur gerakan Islam di negaranya, telah menyeru pemimpin-pemimpin ugama menentang

115. Lihat John Plamenatz, Man and Society, Vol. Two, London, 1963, hal. 415.

116. Seperti yang dijelaskan oleh Charles A. Beard, "The process must be the necessary outcome of the psychical and social nature of man; it must not be at the mercy of any external will; otherwise there would be no guarantee of its continuance and its issue, and the idea of Progress would lapse into the idea of Providence." Charles A. Beard, "Introduction", dalam J.B. Bury, The Idea of Progress, New York, 1932, hal. 5.

117. Lihat Robert Nisbet, History of the Idea of Progress, London, 1980, hal. 172. Hanya beberapa orang sahaja dari ahli falsafah terkemuka yang berpegang kepada prinsip ketuhanan dalam mengukur dan menentu kemajuan manusia; diantaranya ialah Immanuel Kant, yang telah mengemuka peniapt beliau dalam Idea of a Universal History on a Cosmopolitan Plan. Lihat Krishan Kumar, Prophecy and Progress, Penguin Books, 1978, hal. 13.

"the 'backward notions' of Islamic fundamentalism."¹¹⁹ Perjuangan Khomeini pula telah disifatkan sebagai "a forced march backward to fundamentalist Islamic theocracy."¹²⁰ Antara episod terakhir yang menunjukkan pertentangan antara aliran 'Kemajuan' yang dipelopori oleh mereka yang berjiwa barat dan mereka yang berjiwa Islam ialah perbicaraan Professor Necmettin Erbakan, pemimpin Parti Milli Salamat, Turki. Erbakan telah dituduh memperjuangkan cita-cita Shariah yang dikatakan mempunyai kesan 'negatif' ke atas 'Kemajuan', dan ber-canggahan dengan prinsip hak asasi dan kebebasan manusia.¹²¹ Umumnya, pada pandangan mereka yang mendukung ide Kemajuan barat, langkah-langkah yang diambil oleh golongan fundamentalis Islam adalah "retrograde steps" atau "anti-progress", atau dalam bahasa yang lain ianya adalah "a demand to return to old-time beliefs."¹²² Satu lagi aspek kepada konflik pertentangan ide ini ialah anggapan oleh mereka yang begitu taksub dengan The Idea of Progress barat bahawa golongan fundamentalis tidak mengasaskan perjuangan mereka kepada konsep kemajuan langsung. "It knows neither the idea of progress nor any distinction between God and Caesar or church and state."¹²³ Maka seorang novelis yang pada akhir-akhir ini menunjukkan minatnya terhadap kebangkitan Islam. V.S. Naipul, telah gagal memerhati persoalan kemajuan dalam pemikiran dan perjuangan kumpulan Islam itu dan menuduh "Muslim fundamentalism had no intellectual substance to it, therefore it must collapse"¹²⁴

119. Newsweek, November 2, 1981.

120. Times, October, 1, 1979.

121. Lihat "Islam On Trial," Al-Nadwah, Vol. 1, No. 2, April-June 1980, hal. 35 dan 36.

122. Lihat "The Fundamentalist Urge," International Herald Tribune, November 29-30, 1980.

123. William E. Griffith, "The Revival of Islamic Revivalism: The Case of Iran," International Security, Vol. 4, No. 1, Hal. 133.

124. "People are Proud of Being Stupid", Newsweek, August 19, 1980, hal. 38. Baru-baru ini V.S. Naipul/Kebangkitan Islam bertajuk Among the Believers, An Islamic Journey.

/ telah menghasilkan sebuah buku tentang kebangkitan Islam

Berasaskan perbincangan-perbincangan di atas, maka amat wajar sekali bagi kita untuk mengenepikan The Idea of Progress yang menjadi kepercayaan 'moden' dalam mengukur dan menilai perkembangan manusia dan masyarakat, hatta manusia dan masyarakat barat sendiri. Pandangan Khomeini mengenai persoalan ini dengan jelas memperlihatkan keperluan ini;

"We should not use worldly measures and criteria as tools for our judgement. We should not use profane and man-made criteria for deciding whether we have conquered or being defeated in our undertakings. We should rather use Divine criteria as the bases for our judgement If we prove triumphant in the Divine battlefield and in treading the Right path, we shall then be the eventual winner though the whole world should rise ¹²⁵ against us and destroy us."

Ini adalah disebabkan, sebagaimana yang pernah dibahaskan oleh Syed Naquib Al-Attas;

"Change, development and progress, according to the Islamic viewpoint, refer to the return to the genuine Islam enunciated and practised by the Holy Prophet (may God bless and give him Peace) and his noble companions and their Followers (blessings and peace be upon them all) and the faith and practice of genuine Muslims after them; and they also refer to the self and mean its return ¹²⁶ to its original nature and religion (Islam)".

125. Islamic Republic Party weekly Bulletin, Vol. 1, No. 2, (November 1980), hal. 19.

126. Syed Muhammad Al-Naquib Al-Attas, op.cit., hal. 82.